

Ongkili akan mendengar permohonan SMSL berhubung isu Lynas
The Malaysian Insider
08 Mac , 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

PUTRAJAYA, 8 Mac — Datuk Seri Dr Maximus Ongkili hari ini akan mendengar permohonan daripada kumpulan anti-Lynas, Save Malaysia, Stop Lynas (SMSL) berhubung pemberian Lesen Operasi Sementara (TOL) oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) kepada kilang pemprosesan nadir bumi Lynas Corporation di Gebeng, Kuantan Pahang.

SMSL akan diwakili oleh Tan Boon Teet dan lima yang lain berhubung perkara berkenaan, dan mereka telah melantik Messrs Bastian Vendargon selaku peguam bagi semakan terhadap permohonan mereka berhubung perkara itu kepada Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovatif.

Permohonan itu dibuat berdasarkan Seksyen 32 Akta Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Akta 304).

Notis pemberitahuan berhubung pendengaran hari ini telah di hantar kepada firma guaman pada 8 Mac lalu.

Kumpulan anti Lynas semalam mendakwa Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob telah mengemukakan cadangan supaya bahan buangan Lynas di buang ke dalam lombong terbiar di Sungai Lembing.

Menteri Besar itu, jelas mereka turut memberi amaran kepada ahli politik yang menyertai sebarang aktiviti anti Lynas bahawa mereka mungkin menghadapi risiko jikalau Barisan Nasional (BN) mengekalkan negeri berkenaan dalam pilihan raya akan datang.

Ribuan penunjuk perasaan anti Lynas telah berhimpun di Padang MPK Kuantan anjuran Himpunan Hijau dua minggu lepas sebagai tindakan bantahan terhadap kilang tersebut.

Pengkritik terhadap pembangunan kilang tersebut mendesak kerajaan menghentikan projek berkenaan dan mengarahkan AELB menarik balik pemberian TOL yang membolehkan Lynas menjalankan percubaan selama dua tahun.

Mereka mendakwa, syarikat Australia itu tidak memberikan butiran lengkap berkenaan pengurusan sisa buangan yang mereka akan hasilkan daripada kilang pemprosesan nadir bumi tersebut.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ongkili-akan-mendengar-permohonan-smsl-berhubung-isu-lynas/>